

04/02/2004

Tun Mahathir harap program lahirkan ramai `Tiger Woods`

Hamzah Osman

SEKTOR swasta diminta lebih giat membantu pelajar meningkatkan pencapaian dalam bidang sukan bagi memastikan negara terus melahirkan atlit dihormati di peringkat antarabangsa.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata sudah tiba masa bagi pihak swasta yang memperoleh keuntungan jutaan ringgit setiap tahun melalui kegiatan ekonomi membalas budi rakyat di peringkat akar umbi.

"Kalau sudah dapat banyak untung, kembalikan kepada masyarakat sebagai cara balas budi.

"Membalas budi tak semesti menganjurkan latihan sukan kerana banyak cara lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Kecemerlangan Sukan Remaja Emkay (PKSRE) di Taman Kuala Sungai Melaka (TKSM), Langkawi, semalam.

Hadir sama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Kumpulan Syarikat Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib.

PKSRE di Langkawi membabitkan kira-kira 30 murid sekolah rendah itu adalah yang kedua dianjurkan MK Land Holding Bhd (MK Land) selepas kejayaan program sama di Taiping sejak lebih tiga tahun lalu.

Melalui program itu kanak-kanak terbabit bukan saja dilatih bermain golf dan tenis secara percuma malah turut berpeluang meningkatkan pencapaian akademik melalui pemantauan berterusan oleh pengurusan MK Land.

Dr Mahathir berkata, tanggungjawab meningkatkan pencapaian sukan membabitkan kanak-kanak tidak seharusnya diserahkan kepada kerajaan semata-mata, sebaliknya sektor korporat perlu memberi bantuan sewajarnya.

Jika perancangan berjalan lancar, katanya, tidak mustahil suatu hari nanti anak nelayan dan petani di Langkawi mampu muncul sebagai jaguh golf terkenal peringkat antarabangsa sehebat Tiger Woods.

"Mudah-mudahan akan ada anak Langkawi yang berjaya seperti dia (Tiger Woods)," katanya sambil memuji usaha MK Land menganjurkan program berkenaan di lapang sasaran golf TKSM yang memulakan operasi Oktober tahun lalu.